SH 20/3/2019 m/s 35

# Musim mencandat lebih meriah

*Sotong dijangka lebih banyak di perairan Marang, April ini*

MOHD AZLIM ZAINURY

MARANG

"Musim sotong tahun ini sudah bermula dan dijangka lebih banyak April ini. Peringkat awal ini boleh dah kalau nak bawa pulang dalam 30 kilogram (kg)," kata Mohd Azlin Othman, 33, semalam.

Mohd Azlin yang menyediakan perkhidmatan bot untuk mencandat sotong menyifatkan musim sotong tahun ini juga berbeza berbanding sebelumnya, malah dijangka kehadiran pelancong akan meningkat.

"Jika diikutkan aktiviti mencandat sotong ini masih awal tetapi sudah ada pelanggan yang tempah bot untuk trip mencandat sotong. Kadar sewa bot di sini bermula RM1,000 bagi setiap trip mencandat.

"Kadar sewaan juga bergantung pada saiz bot. Ada bot RM1,000, ada RM1,200. Bot besar boleh bawa 12 orang. Kadar ini kadar biasa dikenakan di Marang yang sudah sinonim dengan aktiviti mencandat.



**Musim mencandat sudah bermula dan dijangka sotong lebih banyak menjelang bulan depan.**

"Walaupun masih pada awal musim dan biasanya jumlah tangkapan masih kurang tetapi saya dan rakan-rakan berjaya memperoleh hasil dengan syarat kena rajin dan tekun mencandat," katanya.

Mohd Azlin berkata, sepanjang aktif menawarkan perkhidmatan menyewa bot untuk menangkap ikan dan mencandat sotong, musim aktiviti mencandat adalah musim yang paling ditunggu-tunggu.

"Lebih seronok melakukan aktiviti ini apabila jumlah sotong yang diperoleh pada setiap kali sesi mencandat melebihi sasaran diharapkan pelanggan yang menyewa bot," kata pemilik bot bernombor TFA124 itu.